

Majlis penyampaian sumbangan itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UUM Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak di Masjid Jamek Ar Rahman yang pernah menjadi persinggahan untuk pelajar dan kakitangan kampus ini untuk mengerjakan ibadat ketika kampus ini berpusat di Jitra.

Mustafa berkata, kelahiran universiti pengurusan yang diilhamkan oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed sesungguhnya memberi kenikmatan dan keistimewaan kepada daerah Kubang Pasu sekaligus memberi impak kepada masyarakat di sini termasuk dari segi pembangunan dan kerancakan sektor ekonomi negara.

"Kalau dahulu kita jarang melihat pelajar antarabangsa di daerah atau negeri ini namun kini dengan kelahiran UUM, lebih 2,920 pelajar antarabangsa dari 42 buah negara di Kubang Pasu," katanya.

Dalam pada itu, sumbangan itu diterima oleh 35 perempuan dan 15 lelaki terdiri daripada fakir, miskin dan ibu tunggal.

Turut hadir, Pengarah Urusan R&D SerindIT. Com. UUM Sdn Bhd, Prof. Madya Abd Ghani Golamdin, ahli jawatankuasa Masjid Jamek Ar Rahman dan Panel Penasihat Kesihatan Klinik Banai.

Habis.

DARIPADA :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-9283014 / 3066 / 4078

FAX : 04-9283016

E-MAIL: ukkuum@uum.edu.my